

Headline	PISANG GORENG PANAS		
MediaTitle	Harian Metro	Language	Malay
Date	23 Apr 2016	Readership	3,812,000
Circulation	1,270,667	Page No	14,15
Section	Setempat	Journalist	Nur Lela Zulkipli
ArticleSize	1151 cm ²		
PR Value	RM 135,507		



'PISANG GORENG PANAS'

■ **Fenomena El Nino tambah rezeki penjual pendingin udara sehingga 100 unit sebulan**

Oleh Nur Lela Zulkipi
dan Garret Dawum
am@hmetro.com.my

Permintaan terhadap alat pendingin udara mengalami kenaikan mendadak sejak Februari tahun lalu berikutan cuaca panas tidak menentu selain fenomena El Nino yang melanda tanah air.

Pemilik Kedai Pendingin Uda Saujana Muhd Jamian Abdul Hamid berkata, jualan alat elektrik itu mendapat permintaan luar biasa iaitu

Japan hingga 10 kali ganda daripada hari biasa sebelum berlaku cuaca panas.

"Berdasarkan rekod, permintaan pelanggan bertambah dengan mendadak berbanding jualan purata iaitu hanya 10 unit alat pendingin udara setiap bulan pada 2014 dan sebelumnya.

"Namun sejak awal tahun lalu, saya menerima tempahan kira-kira 80 hingga 100 unit pendingin udara setiap bulan sehingga ada pelanggan yang terpaksa menunggu selama dua

minggu sebelum menerima unit mereka," katanya ketika ditemui, di sini, semalam.

Menurut Muhd Jamian, keadaan cuaca panas kini menyebabkan alat pendingin udara menjadi pilihan utama berbanding peralatan elektrik lain.

"Sehingga kini, saya terpaksa menambah pekerja kerana hampir setiap hari ada tempahan untuk pemasangan pendingin udara di seluruh Lembah Klang," katanya.

Situasi sama turut dialami seorang lagi pemilik kedai pendingin udara Wan Aiman Wan Efendi yang mengakui keadaan cuaca kini membantu menambah jualan alat pendingin udara di kedainya.

Katanya, setiap kali ada pelanggan datang mahu membeli alat pendingin udara, dia akan memberikan tip berguna keadaan penggunaan yang mampu menjimatkan elektrik.

"Tidak dinafikan,

pelanggan sedaya upaya ingin mengurangkan suhu ketika berada di rumah, namun pada masa sama, saya akan terangkan serba sedikit mengenai penjimatan berkesan ketika

menggunakan alat pendingin udara.

"Antaranya adalah tetapkan mod sejuk atau cool berbanding automatik yang mana mod sejuk akan segera menyekukan ruang bilik atau ruang tamu berbanding automatik yang sentiasa menggunakan tenaga sehingga bilik mencapai suhu 16 darjah Celsius," kata pemilik Kedai Penghawa Dingin Wara itu.

Tinjauan Harian Metro turut mendekati orang ramai bagi mendapatkan reaksi masing-masing mengenai penggunaan alat pendingin udara di rumah tanpa mengira masa.

Kakitangan swasta, Salmiah Umar Amin, 35, berkata, cuaca panas kali ini banyak memberi kesan kepadanya dan ahli keluarga

Headline	PISANG GORENG PANAS		
MediaTitle	Harian Metro	Language	Malay
Date	23 Apr 2016	Readership	3,812,000
Circulation	1,270,667	Page No	14,15
Section	Setempat	Journalist	Nur Lela Zulkipli
ArticleSize	1151 cm ²		
PR Value	RM 135,507		

lain apabila terpaksa berpanas dalam rumah sendiri, namun pemasangan pendingin udara mampu memberi kelegaan khususnya pada waktu tengah hari.

"Sebelum ini, pernah juga berlaku cuaca panas, tapi gelombang kali ini sangat dirasai dan kami sekeluarga tidak tahan untuk bermandi peluh dalam

rumah sendiri.

"Pemasangan alat pendingin udara membantu memberi keselesaan namun penggunaan elektrik juga dijangka meningkat. Ia bergantung kepada penggunaan," katanya.

Bagi Ahmad Shukri Aziz, 37, dia tidak menafikan berlaku kenaikan sedikit bil elektrik sejak musim panas awal tahun lalu, namun itu semua sudah boleh

dijangka dan tidak sepatutnya dijadikan isu oleh mana-mana pihak.

"Sudah pasti mereka yang menggunakan pendingin udara akan mengalami sedikit peningkatan bil elektrik, namun bagi saya banyak lagi faktor yang boleh menyebabkan situasi itu seperti salah guna peralatan elektrik," katanya.

Berdasarkan perkiraan

biasa, penggunaan elektrik sebanyak 0-200 kilowatt-jam (kWj), bayarannya ialah 0.218 sen seunit, 201 hingga 300 adalah 0.334 sen, 301-600 adalah 0.516 sen dan 601 dan seterusnya ialah 0.546 sen.

Ini bermakna lebih banyak kadar elektrik yang digunakan, lebih tinggi bil elektrik yang perlu ditanggung pengguna.



“
 Sudah pasti mereka yang menggunakan pendingin udara akan mengalami sedikit peningkatan bil elektrik, namun bagi saya banyak lagi faktor yang boleh menyebabkan situasi itu seperti salah guna peralatan elektrik”

Ahmad Shukri Aziz



“
 Sebelum ini, pernah juga berlaku cuaca panas, tapi gelombang kali ini sangat dirasai dan kami sekeluarga tidak tahan untuk bermandi peluh dalam rumah sendiri”

Salmiah Umar Amin

Headline	PISANG GORENG PANAS		
MediaTitle	Harian Metro	Language	Malay
Date	23 Apr 2016	Readership	3,812,000
Circulation	1,270,667	Page No	14,15
Section	Setempat	Journalist	Nur Lela Zulkipli
ArticleSize	1151 cm ²		
PR Value	RM 135,507		

>>Malaysia sudah **12 kali**
mengalami **El Nino** sejak
1951 hingga 1998

"Sejak awal tahun lalu, saya berdepan tempahan kira-kira 80 hingga 100 unit pendingin udara setiap bulan


Muhamad Jamian Abdul Hamid



Headline	PISANG GORENG PANAS		
MediaTitle	Harian Metro	Language	Malay
Date	23 Apr 2016	Readership	3,812,000
Circulation	1,270,667	Page No	14,15
Section	Setempat	Journalist	Nur Lela Zulkipli
ArticleSize	1151 cm ²		
PR Value	RM 135,507		



Headline	PISANG GORENG PANAS		
MediaTitle	Harian Metro	Language	Malay
Date	23 Apr 2016	Readership	3,812,000
Circulation	1,270,667	Page No	14,15
Section	Setempat	Journalist	Nur Lela Zulkipli
ArticleSize	1151 cm ²		
PR Value	RM 135,507		



MUHD Jamian (kiri) bersama pekerjaannya memeriksa pendingin udara pelanggan.

